

Jawab semua soalan

1 (a) Firman Allah SWT:

﴿وَذَرِ الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَعَرَّتْهُمْ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكَّرَ بِهِ ۚ أَنْ تَبْسَلَ
نَفْسُ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِنْ تَعْدِلْ كُلَّ عَدْلٍ لَأَ
يُؤْخَذَ مِنْهَا أَُولَئِكَ الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا
كَانُوا يَكْفُرُونَ﴾

(Surah al-An'am ayat 70)

Ayat di atas menerangkan tentang larangan mempersendakan agama.
Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan **dua** balasan Allah SWT terhadap mereka yang mempersenda agama Islam. (2 markah)
 - (ii) Jelaskan **dua** cara anda menjaga kesucian agama Islam. (4 markah)
 - (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. (4 markah)
- (b) Sabda Rasulullah SAW:

قَالَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ، فِي ظِلِّهِ، يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ،
الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلَانِ تَحَابَّتَا
فِي اللَّهِ، اجْتَمَعَا عَلَيْهِ، وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبْتُهُ امْرَأَةً ذَاتُ مَنْصِبٍ، وَجَمَالٍ، فَقَالَ إِنِّي
أَخَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَحَقَى، حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالَهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا،
فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ. (صحيح البخاري)

Hadis di atas menjelaskan tentang golongan yang mendapat naungan Allah SWT di akhirat.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Senaraikan **dua** golongan yang mendapat naungan daripada Allah SWT selain pemimpin yang adil. (2 markah)
- (ii) Nyatakan **dua** contoh pemimpin yang adil. (2 markah)

(iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas. (4 markah)

(c) Nyatakan hukum tajwid Mad bagi kalimah bergaris di bawah. (2 markah)

(i)

وَلَا الضَّالِّينَ

ii)

ءَالَيْنَ وَقَدْ كُنْتُمْ بِهِ تَسْتَعْجِلُونَ
--

2 (a) Al-Raqib merupakan satu daripada al-Asma ul-Husna Allah SWT.

(i) Apakah maksud al-Raqib? (2 markah)

(ii) Jelaskan **dua** bukti Allah SWT bersifat al-Raqib. (4 markah)

Allah SWT sentiasa mengawasi perbuatan hambaNya.
--

(iii) Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda beriman dengan sifat tersebut. (4 markah)

(b) (i) Nyatakan maksud ajaran sesat. (2 markah)

(ii) Jelaskan **dua** ciri ajaran sesat dari aspek ibadat. (2 markah)

(iii) Jelaskan maksud pluralisme agama. (2 markah)

(iv) Terangkan **dua** cara menjauhi ajaran sesat. (4 markah)

3 (a) Allah SWT sangat menyukai golongan hambaNya yang mengerjakan Solat Dhuha.

(i) Jelaskan maksud Solat Dhuha. (2 markah)

(ii) Terangkan kaifiat Solat Dhuha. (4 markah)

Masyarakat menganggap Solat Dhuha semata-mata untuk menjadi kaya
--

(iii) Huraikan hujah anda untuk memperbetulkan anggapan tersebut. (4 markah)

- (b) Para fuqaha telah bersepakat bahawa wasiat kepada ibu bapa dan kaum kerabat adalah wajib bagi orang yang mempunyai harta.
- (i) Apakah maksud wasiat? (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** cara pengurusan wasiat menurut syarak. (4 markah)
- (iii) Terangkan **dua** hikmah pensyariatan wasiat. (4 markah)
- 4 (a) Kerajaan Uthmaniah ialah sebuah kerajaan Islam Turki yang diasaskan pada tahun 1299 masihi.
- (i) Nyatakan **dua** pemerintah terkenal kerajaan Uthmaniah. (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniah daripada salah satu aspek berikut :
- a) Keilmuan
- b) Ketenteraan (4 markah)

Antara faktor yang menyumbang kepada kejatuhan Kerajaan Uthmaniah ialah sultan-sultan yang memerintah dipilih dari kalangan mereka yang mempunyai keperibadian yang lemah, mementingkan kemewahan serta tunduk kepada hawa nafsu.

- (iii) Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan iktibar yang anda perolehi. (4 markah)
- (b) Al-Imam Malik rahimahullah merupakan seorang tokoh yang sangat menghormati hadis dan Rasulullah SAW.
- (i) Nyatakan **dua** sifat peribadi al-Imam Malik berkaitan ilmu. (2 markah)
- (ii) Jelaskan **empat** sumbangan al-Imam Malik rahimahullah. (4 markah)
- (iii) Terangkan **dua** iktibar yang boleh diambil daripada keunggulan tokoh Imam Malik. (4 markah)

- 5 (a) Sifat wasatiah menjamin kecemerlangan umat.

- (i) Apakah maksud wasatiah ? (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** ciri umat yang cemerlang. (2 markah)
- (iii) Terangkan hikmah melaksanakan prinsip wasatiah. (2 markah)
- (iv)



Huraikan bagaimana anda dapat bersama-sama rakan menjayakan kempen di atas. (4 markah)

- 5 (b) Sifat tawaduk menzahirkan kesucian jiwa.
 - (i) Jelaskan maksud tawaduk. (2 markah)
 - (ii) Jelaskan sifat tawaduk Rasulullah SAW ketika makan dan minum. (2 markah)
 - (iii) Terangkan hikmah sifat tawaduk. (2 markah)

Sifat tawaduk merupakan satu daripada sifat mahmudah.

- (iv) Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah sifat tersebut boleh membentuk jati diri seorang remaja. (4 markah)

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT